

# Sistem dua parti bawa kesan buruk

13 00 1990

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata sistem pemerintahan dua parti tidak boleh menyelesaikan masalah, sebaliknya lebih memberi kesan buruk kepada negara jika satu daripada parti terbabit, mendapat majoriti kecil.

Menurut Perdana Menteri, sistem itu juga boleh menjadi terlalu lemah kerana kerajaan boleh diugut oleh seorang ahli Parlimen untuk melompat ke parti lawan apabila parti memerintah hanya mendapat kelebihan satu atau dua kerusi.

"Bagaimanapun, jika rakyat memilih satu parti dengan 75 peratus kerusi, manakala satu parti lagi 25 peratus, mereka dapat membentuk sebuah kerajaan yang kuat.

"Dengan itu, sistem dua parti hanya berkesan apabila rakyat memilih kerajaan yang benar-benar kukuh," katanya menjawab soalan pemberita selepas melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) bertemakan Ke Arah Keamanan, Kestabilan dan Kemakmuran Malaysia di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN, mengulas mengenai kempen pembangkang dalam pilihanraya kali ini bahawa pakatan parti-parti pembangkang menentang kerajaan BN sekarang ialah ke arah sistem dua parti.

Sambil menjadikan sistem dua parti di Amerika Syarikat sebagai contoh, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, presiden negara itu 'lumpuh' baru-baru ini kerana tidak boleh meluluskan Akta Kewangan untuk perbelanjaan negara menyebabkan pentadbiran kerajaan terhenti tiga hari.

Menurutnya, sistem dua parti atau mana-mana sistem tidak pernah baik kecuali manusia tahu bagaimana menggunakan sistem itu.

Sistem, katanya, tidak boleh menyelesaikan masalah tetapi orang yang melaksanakannya mampu berbuat demikian.

"Jika sesebuah kerajaan itu hanya bergantung kepada satu dua ahli Parlimen, mereka boleh memeras ugut Perdana Menteri untuk mendapat ganjaran, dengan ancaman akan melompat ke parti lawan.

"Untuk itu kerajaan terpaksa tunduk kepada kemahuan mereka. Jika negara mempunyai kerajaan seperti itu, ia sama seperti tidak mempunyai kerajaan. Oleh itu, sistem dua parti tidak boleh menyelesaikan masalah.

"Masalah hanya boleh diselesaikan hanya apabila rakyat memahami bahawa sesebuah kerajaan itu mesti kukuh," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sesebuah pakatan itu boleh mempunyai 100 parti tetapi jika mereka mula mengagihkan kerusi di kalangan 100 parti, kerajaan tidak dapat dibentuk kecuali hanya sebuah perikatan yang lemah untuk kesenangan selepas pilihanraya.

"Apabila kerajaan tidak boleh ditubuh, mereka akan ke sana kemari meminta parti lain menyertai mereka bagi mewujudkan majoriti. Cara ini adalah rancangan sementara.

"Tetapi kita dalam BN walaupun berupa kerajaan campuran, kita berbuat demikian sebelum pilihanraya. Kita telah mencapai persefahaman dahulu, telah mengagihkan kerusi dan mempunyai satu manifesto.

"Kita juga membuktikan dapat bekerja bersama-sama kerana kita sederhana walaupun kita tidak mempunyai apa yang dipanggil sebagai sistem dua parti dan idea kononnya sistem itu boleh menyelesaikan masalah," katanya.